

CNS7006

U GB 25-08 00177 RB622

AAB

Mabathir - Balak

NEGARA LAUTAN SELATAN DIBERI WANG SEKAT PEMBALAKAN ASEAN

J

LANGKAWI, 25 Ogos (Bernama) -- Sesetengah kuasa serantau menawarkan wang kepada negara membangun di lantan selatan dan rantau lain untuk memujuk mereka menyekat operasi pembalakan syarikat pembalakan Malaysia dan negara Asean lain, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami tidak tahu apa hendak digelar bantuan seperti itu tetapi ia boleh dipersoalkan sama ada ia berkaitan dengan ekologi ataupun sebaliknya.

Syarikat-syarikat pembalakan Asean sentiasa memastikan yang mereka tidak memusnahkan kawasan hutan yang mereka terokai di negara lantan selatan dan rantau lain, katanya semasa merasmikan Mesyuarat

Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan Asean Ke-16, di sini.

"Malangnya kegiatan para pembalak Asean untuk membantu ekonomi kebanyakan negara membangun itu telah membangkitkan kemarahan sesetengah kuasa serantau. Tiba-tiba wang ditawarkan kepada negara-negara berkenaan untuk memujuk mereka untuk menyekat pelabur Malaysia dan para pelabur lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, semasa usaha untuk memulihara kawasan hutan dunia mula dikenali, tumpuannya hampir secara eksklusif kepada hutan tropika dan penerokaannya. -- Lagi.

▼25/08/17-59MST

U GB 25-08 00142 RB623

AAB

Mabathir - Balak 2 Gangkawi

Katanya, satu kempen besar-besaran dan emotif dilancarkan di Barat untuk mengharamkan penggunaan kayu keras hutan tropika seolah-olah balak dari kawasan hutan iklim sederhana tidak mempunyai peranan langsung dalam usaha pengekalan keseimbangan ekologi.

Towkay-towkay balak di Utara dibenarkan membalak berjuta-juta hektar kawasan hutan tanpa dikenakan hukuman, katanya.

"Kita tidak menafikan peranan yang dimainkan hutan tropika dalam soal memastikan keseimbangan ekologi yang berterusan namun kita ingin menarik perhatian babawa kita tidak melakukan penebangan bersih. Penebangan balak dikawal," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Asean kekal sebagai kawasan hutan tropika utama dengan kawasan hutan seluas kira-kira 180 juta hektar yang mewakili kira-kira 60 peratus kawasan tanah di Asean.

Beliau juga berkata, sektor swasta negara anggota Asean boleh memainkan peranan utama memperkukuh pelaburan antara Asean dalam sektor pertanian dan perhutanan. -- Lagi.

▼25/08/18-16MST

Mahathir - Balak 3 (Akhir) Langkawi

Dr Mahathir berkata, dengana termetarainya rundingan-rundingan GATT akan terdapat lebih banyak perdagangan dan persaingan manakala daya saingan amat mustahak kepada kelangsungan hidup dalam pasaran dunia.

"Semua kelebihan daya saing negara anggota Asean hendaklah digembeng bagi membolehkan rantau itu menjadi negara pengeluar dengan kos yang rendah dan pengeksport keluaran pertanian yang bermutu," katanya.

Beliau juga menggesa sektor swasta negara anggota Asean melaksanakan projek yang akan membantu mempercepatkan proses pembukaan pusat-pusat pertumbuhan yang diwujudkan melalui startegi-strategi Pembangunan Segi Tiga yang membabitkan semua negara anggota Asean.

Pembangunan Segi Tiga ialah antara Indonesia, Malaysia dan Thailand (TMT-GT); antara Singapura, Malaysia dan Indonesia (STJORT); dan antara Brunei, Indonesia, Malaysia serta Filipina (RTMP-GT).

Mesyuarat itu dihadiri Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Setiausaha Agung Asean, Datuk Ajit Singh, Menteri Industri dan Sumber Utama Brunei, Pehin Datuk Abdul Rahman Taib, Menteri Pertanian Indonesia, Dr Sjarifudin Baharsjah, Timbalan Menteri Koperatif Thailand, Suthep Taugsuban, Setiausaha Parlimen Kanan Singapura, Matthias Yao dan Setiausaha Pertanian Filipina, Roberto S. Sebastian. -- Bernama.

KHY KAM.